



KASIH ISTERI...Kamaliya (kiri) mengelap rambut suaminya yang lumpuh.

Sekitar banjir

Ibu cemas, selamat dua nyawa

KUANTAN: “Saya benar-benar cemas kerana tidak tahu hendak selamatkan siapa dulu,” demikian kata suri rumah, Kamaliya Sulaiman, 41, seorang daripada mangsa banjir yang diindahkan ke Tadika Perpaduan Cenderawasih, di sini, selepas rumahnya di Kampung Jawa, di sini, dinaiki air kira-kira satu meter awal pagi semalam.

Ibu kepada empat anak itu berkata, ketika hujan lebat kira-kira jam 2 pagi, dia berada di rumah berkenaan bersama suami, Zulkarnaen Nasim, 42, yang lumpuh dari paras pinggang ke bawah serta dua anak perempuan mereka masing-masing berusia satu dan sembilan tahun.

“Kelam-kabut saya ketika itu, mana hendak dukung anak yang baru berusia se-

tahun, suami pula langsung tidak boleh bergerak akibat lumpuh selepas kemalangan di tempat kerja di Gebeng, dua tahun lalu,” katanya.

Suri rumah itu berkata, dalam keadaan cemas berkenaan, mujud ada jiran membantu sebelum dia sekeluarga diselamatkan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang tiba untuk memindahkan mereka.

Panik air naik paras pinggang tak sampai sejam

KUANTAN: “Saya panik dan terpaksa menempuh detik cemas apabila tidak sampai satu jam air sudah naik paras pinggang sekali gus tidak sempat menyelamatkan barangan berharga.

“Namun, saya bersyukur kerana ahli keluarga tidak mengalami sebarang kejadian tidak diingini walaupun hujan tidak berhenti sehingga pagi ini (semalam),” kata Roslina Mahmud, 38, dari Kampung Tiram, di sini.

Mengimbas detik cemas itu, Roslina berkata, dia bersama 12 ahli keluarganya sedang menikmati makan ma-

lam pada jam 9 malam sebelum menyedari banjir lumpur mula masuk melalui bahagian dapur rumah.

Menurutnya, dalam keadaan kelam-kabut serta panik, dia mengarahkan ahli keluarga segera menyelamatkan harta dan dokumen penting untuk diletakkan di tempat lebih tinggi.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro malam kelmarin mendapati, sebahagian penduduk Kampung Tiram terputus hubungan hampir 10 jam bermula malam kelmarin hingga pagi semalam berikutan hujan tidak berhenti.



BANJIR...Roslina (kanan) bersama ahli keluarganya mengemas barang selepas banjir.

>Amaran bah

KUALA LUMPUR: Keadaan hujan sekejap-sekejap yang kadang-kala lebat di beberapa daerah di Pahang dan Johor dijangka berterusan sehingga Rabu dan boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, daerah terbabit ialah Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang, serta Mersing dan Kota Tinggi di Johor.

Selain itu, perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dijangka dilanda angin kencang timur laut dengan kelajuan 60 km sejam dengan ombak melebihi 5.5 meter.

Keadaan serupa juga diramal di Sarawak, Labuan dan Sabah meliputi kawasan pedalaman, pantai barat dan Kudat, serta kepulauan Samui, Tioman, Bunguran, Condore, Reef North, Reef South, Layang-Layang dan Palawan.

Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Sabtu depan, kata kenyataan itu. -Bernama